

Cikgu bantu aturkan majlis pengislaman

Bacaan 10 ayat Surah Yasin oleh Presiden MACMA lembutkan hati bapa peluk Islam

Amanal membaca 10 ayat dalam Surah Yasin setiap malam di hadapan bapa tiri yang sedang terlantar sakit berjaya melembutkan hati dan membuka pintu hati lelaki Cina itu untuk memeluk Islam tiga hari sebelum kematiannya.

Menceritakan kisah itu, Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Prof Dr Taufiq Yap Hun Hin, 47, berkata ketika itu beliau baru setahun memeluk Islam dan bapa tirinya, Allabyarham Lim Heng Fui (Abdullah) dimasukkan ke wad batuk kering.

"Setiap hari ketika menjaga bapa di wad, saya berjalan kaki kira-kira 30 minit ke Masjid Sembulan untuk solat kerana pada zaman itu tiada surau di hospital. Lama juga bapa dalam wad. Saya menemaninya di wad setiap malam.

"Setiap hari saya membacakan 10 ayat dari Surah Yasin di hadapannya. Ketika itu saya pun tidak pandai mengaji tetapi saya membaca Surah Yasin yang mempunyai tulisan rumi.

"Satu hari, selepas solat Subuh saya diantar oleh ustaz yang baru dikenali di masjid itu ke hospital. Saya tanyakan bapa saya sama ada beliau kenal Allah atau sebaliknya, beliau mengangguk. Itu yang saya gembira dan saya tanya lagi mahu masuk Islam, dia mengangguk. Saya ajar beliau mengucap satu persatu dan beliau mengikutnya.

"Tetapi selepas itu, beliau semakin lemah. Saya memberitahu ibu supaya tidak lagi menghantar masakan yang tidak halal kerana bapa sudah masuk Islam. Tiga hari selepas itu, bapa meninggal dunia," katanya yang berasal dari Kota Kinabalu, Sabah.

Sentiasa berdoa

Walaupun tidak mampu menyempurnakan jenazah bapanya seperti orang Islam kerana ketika itu beliau juga baru memeluk Islam dan masih remaja tetapi beliau lega kerana ada ustaz yang menasihatinya supaya sentiasa berdoa supaya Allah menerima syahadah bapanya yang turut dinamakan sebagai Abdullah.

Malah, katanya, ibunya sendiri, Chin Szi Kiaw, 74, memeluk

Islam selepas bermimpi arwah bapanya datang dalam mimpi dan memberitahu yang beliau sudah beragama Islam. Kini, ibunya tinggal bersamanya di Selangor.

Taufiq mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan All Saints Likas, Kota Kinabalu.

Pernah bekerja sebagai kerani kewangan di Bank Pertanian di Kota Kinabalu, ketika menunggu keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), sebelum melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang kimia.

Beliau kemudian ditawarkan melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Manchester, Institut Sains dan Teknologi (UMIST), United Kingdom.

Mencari agama sebenar

Menyingkap kisahnya bertemu hidayah Allah, Taufiq yang juga Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM berkata jiwanya tidak tenang dan ketika berusia 15 tahun beliau mencari-cari agama yang sebenar.

"Pada asalnya saya menganut Buddha, selepas itu Kristian. Tetapi masih banyak persoalan yang belum terungkai. Apabila saya berjumpa guru perempuan Islam di sekolah bertenangkan mengenai Islam, beliau memberikan saya buku mengenai Islam.


"Sebelum saya memeluk Islam secara rasmi, saya sudah pun mula solat secara sembunyi. Saya belajar menggunakan buku. Ada rakan Islam memberitahu jika belum masuk Islam, solat tidak diterima. Jadi hati saya tidak tenang. Tetapi jika difikirkan, sememangnya kebanyakannya bacaan dalam solat adalah pengakuan kita bahawa Allah itu Tuhan yang satu dan Nabi Muhammad pesuruh Allah.

"Cuma belum secara rasmi saya mengucap di hadapan saksi. Saya masih ingat Cikgu Shamsiah mengaturkan majlis pengislaman saya. Sehari sebelum hari bersejarah itu, saya ke masjid di Likas tetapi tidak dibenarkan masuk oleh penjaganya kerana saya bukan Islam. Tetapi apabila saya memberitahu yang saya bakal memeluk Islam, saya dibenarkan masuk untuk melihat jemaah solat Jumaat," katanya.

Penerimaan keluarga

Sebaik memeluk Islam, katanya, beliau tidak mahu menyimpan Islam ini untuk dirinya tetapi mahu berkongsi dengan orang lain.

"Apa yang saya buat adalah menyalin semula apa yang dalam buku, *Kenapa Tidak Makan Babi* dalam tulisan Mandarin dan tampil di kantin sekolah. Saya mahu rakan yang bukan beragama Islam membacanya. Tetapi ia hanya bertahan dua hari sahaja kerana guru besar mengarahkan ia



diturunkan," katanya.

Beliau bersyukur kerana keluarganya tidak membantah beliau memeluk Islam, malah, ibunya membelikan peralatan dapur seperti pinggan sudu dan periuk nasi baharu untuknya.

Antara cabaran ketika awal memeluk Islam apabila ada gurunya cuba mempengaruhinya supaya keluar Islam dengan menunjukkannya satu artikel yang disiarkan di Australia mempertikaikan amalan umat Islam berselawat ke atas Nabi Muhammad.

"Guru itu berdebat dengan fakta yang mengelirukan. Katanya mengapa umat Islam berselawat seolah-olah Nabi Muhammad tidak selamat dan keadaan sebaliknya bagi Jesus yang duduk di sebelah tuhannya dan selamat. Ketika itu saya agak goyang juga tetapi apabila saya baca terjemahan al-Quran ada ayat yang menyebut jika kita berselawat terhadap Rasulullah, malaikat akan berselawat ke atas kita. Justeru, ini secara terusnya membuka minda saya bahawa hebatnya Islam ini, semuanya untuk kebaikan umat manusia," katanya.

Malah, ada guru yang sanggup pergi berjumpa bapa tirinya dan meminta mengemukakan saman kepada pihak yang membawa Taufiq masuk Islam, tetapi orang tuanya enggan

kerana keluarga mereka miskin.

Dikurniakan empat cahaya mata

Mendirikan rumah tangga dengan Ketua Jabatan Perakaunan dan Kewangan UPM, Dr Amalina Abdullah, 46, pasangan itu dikurniakan empat cahaya mata berusia 12 hingga 19 tahun.

"Saya mengenali isteri ketika melanjutkan pengajian pada peringkat PhD di Manchester, manakala isteri belajar di London. Selepas sebulan kenal, kami balik Malaysia dan berkahwin. Ketika pulang ke tanah air, kebetulan tiket yang kami beli tempat duduknya bersebelahan, lalu kami terpaksa tukar dengan penumpang lain kerana ketika itu belum bernikah lagi," katanya.

Harapannya besar bagi MACMA yang kini mempunyai 3,000 ahli. Beliau mahu persatuan itu tempat membantu saudara baharu berbangsa Cina dan menjadi badan yang boleh dijadikan rujukan untuk jabatan agama atau majlis agama serta jawatankuasa fatwa terutama apabila mengeluarkan fatwa yang menyentuh budaya amalan masyarakat Cina.

"Kita berharap Cina Muslim akan menjadi jambatan kepada hubungan harmoni perpaduan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia," katanya.



**MONA
AHMAD**

mona@bh.com.my

